



## PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING

### KENYATAAN PERMOHONAN PELUPUSAN TANAH KERAJAAN SECARA TENDER TERBUKA

**TAWARAN PELUPUSAN TANAH KERAJAAN SELUAS 1,047.912 METER PERSEGI DI PT 151, SEKSYEN 11, BANDAR SHAH ALAM, DAERAH PETALING, SECARA TENDER TERBUKA**

### TANAH UNTUK PEMBERIMILIKAN

Tawaran ini adalah terbuka kepada Individu dan Syarikat yang boleh dilupuskan tanah seperti yang dijelaskan di bawah Seksyen 43 Kanun Tanah Negara.

Perihal tanah adalah seperti berikut :-

1. Lokasi Tanah : PT 151, Bandar Shah Alam, Daerah Petaling
2. Pelan Tapak : Pelan Pra hitungan seperti dilampirkan
3. Harga Pasaran : RM2,900.00 / meter persegi
4. Butiran Tanah :
  - a) Luas : Lebih kurang 1,047.912 meter persegi
  - b) Kategori : Bangunan
  - c) Syarat Nyata : Perniagaan
  - d) Dasar / Polisi Kerajaan Negeri yang perlu dipatuhi bagi sebarang cadangan pembangunan:
    - i. Pelupusan Tanah Kerajaan yang dilaksanakan secara tender ini adalah tertakluk kepada Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bil.6/2010 dan Arahan Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bil.3/2016; dan
    - ii. Pelan Kebenaran Merancang yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan
5. Petender yang berjaya adalah dikehendaki menandatangani 10% daripada harga tawaran dalam bentuk bank deraf atas nama Bendahari Negeri Selangor semasa mengembalikan Surat Setuju Terima (Lampiran D) dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan. Baki 90% harga tawaran dan lain-lain bayaran yang disyaratkan hendaklah/perlu dibayar dalam tempoh Notis Borang 5A. Sekiranya baki bayaran 90% tidak dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan, bayaran deposit 10% akan dimasukkan sebagai hasil Negeri.

Bagi yang berminat, sila dapatkan dokumen tender **PB03/2020** dengan harga RM50.00 daripada Pejabat Daerah dan Tanah Petaling dengan mengemukakan harga yang hendak ditawarkan.


Sila kemukakan permohonan kepada:

**PENGARAH  
PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR  
TINGKAT 4, BANGUNAN SSAAS  
40503 SHAH ALAM**


**TARIKH TUTUP: 8 APRIL 2020** (pada atau sebelum jam 12.00 tengahari - Satu (1) bulan daripada tarikh kenyataan ini disiarkan).

  
.....  
(PENTADBIR TANAH)  
PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING

Tarikh : 9 MAC 2020



PELAN KUNCI  
Skala : 1 Batu seinci



SEKSYEN 11  
BANDAR SHAH ALAM  
DAERAH PETALING  
Sheet : 92 A

Catatan :  Kawasan dimaksudkan

P.A : 73003

..... PENTADBIR TANAH PETALING

BIL PELAN :

